



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
16 MEI 2019 (KHAMIS)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	Puchong's rise as industry hotspot
MUKA SURAT	28

Puchong's rise as industry hotspot

PUCHONG has come a long way since the start of its development in the 1980s.

Rapid urbanisation has seen its rise as a commercial and industrial hotspot, not to mention its many retail malls, commercial shops, offices and also high-rise offices and hotel, such as the Four Points by Sheraton, part of the Puchong Financial Corporate Centre.

Puchong is under the jurisdiction of four local authorities, namely Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Subang Jaya Municipal Council (MPSJ), Sepang Municipal Council and Kuala Langat District Council.

As such, it is within easy and convenient access to other townships — Putrajaya lies at its southeast; Serdang on the east; Subang Jaya and Bandar Sunway on the north and east; and Petaling Jaya a short distance away.

Seeing as it is a vast area that has undergone rapid development, this article will focus solely on Puchong East.

In terms of location, Puchong East lies east of Damansara-Puchong Expressway (LDP) and includes major areas, such as Bandar Puteri Puchong, Taman Perindustrian Pusat Bandar Puchong, with Saujana Puchong at the southernmost end.

It is under the care of MPSJ given its proximity to USJ and Subang Jaya.


DISCERNING EAST

The development of Puchong East started with a handful of projects in the 1990s, mainly comprising apartments and flats. That trend continued throughout the 2000s, with apartments mushrooming during that period.

Later, there was a gradual shift towards building for buyers looking for the urban household, with the first few condominium projects completed in 2005, such as Casa Puteri.

Since then, condominiums have been the new standard in Puchong East, catering to a new discerning set of buyers and customers.

Properties in Puchong East offer a wide range of spaces. Most offerings by developers fall below the 1,000-sq-ft mark, the smallest being from The Heron Residency, a project built in the 2010s. Its smallest unit stands at 635 sq ft, which, compared to today's market, rivals Kuala Lumpur city cen-



Value Map Puchong East



tre's serviced apartments and condos.

The initial projects during the 1990s and 2000s offered built-ups of between 650 sq ft (Seri Damai and Seri Sentosa in Saujana Puchong 1990's) and 975 sq ft (Vista Prima, 2008).

However, as the preference and development trend shifted to condominiums, there has been an increase in total living space. For example, the Heron Residency has scaled up to 1,000 sq ft for

certain quadrants of its units.

Most condominium projects in Puchong East have at least crossed that threshold, with built-ups exceeding the 1,000-sq-ft mark. The largest of the lot within Henry Butcher's survey belongs to Puri Tower Condominium (built in 2014), with units at 2,239 sq ft, a significant lead over the second largest at Solace Serviced Apartment and Trigon, at 1,776 sq ft each.



**KERATAN AKHBAR
16 MEI 2019 (KHAMIS)**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Pengarah JAIS Datuk Bandar Shah Alam
MUKA SURAT	71

Pengarah JAIS Datuk Bandar Shah Alam

• Pelantikan
berkuat kuasa
10 Mei lalu
BB - MS - 71

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@NSTP.com.my

Shah Alam

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim dilantik Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang dilantik Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 7 Januari lalu.

Beberapa keping gambar dimuat naik melalui laman sosial Facebook mengenai pernyerahan surat lantik kepada Haris yang kemudian mengesahkan beliau mendapat surat lantik berkenaan kelmarin daripada Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya. Beliau berkata, pelantikannya

sebagai Datuk Bandar Shah Alam baharu berkuat kuasa 10 Mei lalu.

Bagaimanapun, katanya, beliau masih menyandang jawatan sebagai Pengarah JAIS sehingga 31 Mei ini.

Program Ihyar Ramadan

"Saya akan mula bertugas di Wisma MBSA pada 1 Jun ini. Pelantikan saya sebagai Datuk Bandar Shah Alam efektif mulai 10 Mei tetapi saya mendapat lepasan daripada kerjaan negeri untuk meneruskan tugas sebagai Pengarah JAIS sehingga 31 Mei iaitu sehingga berakhir program Ihyar Ramadan," katanya melalui aplikasi WhatsApp, semalam.

Ditanya siapa bakal menyandang jawatannya sebagai Pengarah JAIS yang baharu, Haris berkata, beliau tidak mengetahuinya.


Haris adalah Pengarah JAIS kedua selepas Ahmad Zaharin yang dilantik menjadi Datuk Bandar Shah Alam.

Sebelum menjadi Pengarah JAIS pada Januari 2015, Haris pernah menyandang jawatan Pegawai Daerah Hulu Langat.



Saya akan mula bertugas di Wisma MBSA pada 1 Jun ini. Pelantikan saya sebagai Datuk Bandar Shah Alam efektif mulai 10 Mei"

*Haris Kasim,
Datuk Bandar Shah Alam*



Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran Shah Alam.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Mohon PKNS pasang lampu jalan
MUKA SURAT	20

Mohon PKNS pasang lampu jalan

SAUDARA PENGARANG,

SAYA mewakili penduduk Pangsapuri Blok 19 dan Blok 20, Seksyen 8, Shah Alam, Selangor merayu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) agar memasang lampu jalan dengan segera.

Terdapat lima tiang lampu di Jalan Liku A8/A yang tidak bernyala menyebabkan kawasan di sekitarnya gelap. Akibatnya berlaku kecurian di kawasan letak kenderaan disebabkan suasana gelap pada waktu malam.


Diharapkan PKNS dapat bertindak segera memperbaiki keadaan.

Terdapat lima tiang lampu di Jalan Liku A8/A yang tidak bernyala menyebabkan kawasan di sekitarnya gelap. Akibatnya berlaku kecurian di kawasan letak kenderaan disebabkan suasana gelap pada waktu malam.

KAMARUDDIN HASSAN

Seksyen 8, Shah Alam

UTUSAN - MS - 20



LAMPU jalan yang tidak bernyala berhampiran pangsapuri Blok 19 dan Blok 20, Seksyen 8, Shah Alam, Selangor menyebabkan berlaku kecurian di kawasan itu. - IHSAN PEMBACA



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MDHS sita barang penjaja bahu jalan
MUKA SURAT	34

MDHS sita barang penjaja bahu jalan

BUKIT SENTOSA - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menyita barang penjaja makanan di bahu Jalan Persiaran Tasik Teratai dekat sini pagi kelmarin.

Tindakan itu menerima pelbagai reaksi daripada masyarakat selepas tular di media sosial.

Sehubungan itu Setiausaha MDHS, Awaluddin Zakaria tampil memberi penjelasan berhubung tindakan pengukuasaan tersebut.

Katanya, MDHS membuktikan tapak niaga itu untuk tujuan perniagaan pasar malam perumahan Telipot.

Bagaimanapun, penjaja bernaiga di kawasan yang tidak dikhaskan sebagai tapak bazar Ramadan dan menjaja tanpa lesen di bahu jalan berkenaan.

"Kami mengambil tindakan kerana penjaja tidak mematuhi arahan.

Notis berkaitan turut ditampal pada peralatan mereka pada pagi 13 Mei.

"Pada sebelah petang anggota penguat kuasa dan jabatan lesen hadir memberi amar-

an lisan agar tidak menjaja dan meninggalkan barang mereka," katanya.

Awaluddin berkata, penjaja tidak mengendahkan amaran menyebabkan tindakan sita dilakukan kerana meletakkan barang di tempat awam.

Menurutnya, barang berkenaan dibawa ke pusat simpanan dan penjaja boleh menuntut melalui permohonan bertulis kepada MDHS dalam tempoh 30 hari dari tarikh sitaan.


"Penjaja perlu menjelaskan kos ditetapkan dan pihak MDHS akan melupuskan barang itu jika tiada tuntutan.

"Mereka juga diarahkan datang ke pejabat MDHS bagi memohon lesen dan bernaiga di tapak yang dibenarkan.

"Sempena bulan baik ini penjaja diingatkan mematuhi undang-undang dan bernaiga di kawasan yang dibenarkan oleh MDHS," katanya.

Awaluddin berkata, tindakan dilakukan demi keselamatan penduduk dan kebersihan persekitaran.

SINAR - MS - 34



Gambar operasi penyitaan barang penjaja di Jalan Persiaran Tasik Teratai yang tular di media sosial kelmarin.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Bimbang projek banglo di cerun
MUKA SURAT	33

Bimbang projek banglo di cerun

Penduduk dakwa berlaku gelinciran tanah

AHMAD ISMADI ISMAIL

HULU LANGAT

Penduduk di Taman Cuepacs 1, di sini bimbang keselamatan mereka ekoran projek lapan unit banglo yang sedang dilaksanakan di cerun kawasan perumahan itu.

Pengerusi penduduk, Ramesh berkata, penduduk khutair projek tersebut mengancam keselamatan mereka kerana jaraknya yang hampir dengan kawasan perumahan mereka.

"Kita tidak mahu kejadian Highland Towers berulang di kawasan perumahan itu. Penduduk juga mendakwa pernah berlaku gelinciran tanah di tapak projek ketika hujan lebat tahun lalu," katanya pada sidang media berkaitan perkara itu kelmarin.

Menurutnya, projek yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu itu sepatutnya siap sepenuhnya pada Januari lalu.

"Pemaju sudah berjumpa penduduk dan maklumkan projek itu mungkin dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun lagi," katanya.

Sementara itu, penduduk Anne Muno Kua berkata, Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dan agensi berkaitan perlu meman-



Penduduk di taman perumahan Taman Cuepacs 1 melihat perkembangan tapak projek lapan unit banglo di sini, kelmarin.

SINAR - MS - 33

tau projek berkenaan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi mengelak sebarang masalah.

"Paling penting ialah

selamatan kerana kami pernah membangkitkan perkara ini. Kami harap ialah ini dipandang serius pihak berkaitan," katanya.

Ahli Majlis MPK, Ahmad Irfan Hani membe-

ritahu, beliau sudah meminta pihak berkusa tempatan itu supaya memantau projek tersebut.

"Projek lapan unit banglo ini diluluskan pada tahun 2015.

"Saya dimaklumkan kerja-kerja di tapak pembinaan masih dilaksanakan walaupun agak lambat dan dijangka siap pada tahun 2021," katanya.

Menurutnya, tanah berstatus perumahan itu adalah hak milik individu.

"Saya juga dimaklumkan pembinaan tembok penahan serta kaedah penstabilan cerun di tapak mengikut kelulusan pelan bangunan dan pelan infrastruktur Jabatan Kejuruteraan MPK," katanya.

Beliau memberitahu, penerangan mengenai kelulusan pelan sudah dimaklumkan kepada Ramesh pada 24 April 2019.

"Bagaimanapun saya dimaklumkan pengadu tidak menerima penjelasan mengenai projek tersebut," katanya.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Anak yatim dua rumah kebajikan dirai
MUKA SURAT	33

Anak yatim dua rumah kebajikan dirai

SINAR - MS- 33

AMPANG – Seramai 75 anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Al Firdausi dan Rumah Kasih Nurul Hasanah diraikan pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim dan Pengamal Media di Hotel De Palma Ampang kelmarin.

Pengurus Residen hotel berkenaan, Rahmat Nawi berkata, program amal sempena Ramadan itu bertujuan mengeratkan hubungan pihak hotel bersama anak yatim.

“Ia program tahunan hotel ini dalam membantu golongan kurang bernasib baik dan mencerahkan anak-anak yatim,” katanya pada sidang media selepas majlis berkenaan.

Rahmat berkata, pihaknya turut mengadakan program bersama anak yatim dari Rumah Kasih Nurul Hasanah di Surau Jumaat Nurul Hikmah, Hotel De Palma Ampang bagi mengimarahkan surau itu setiap bulan,” katanya.

Pada majlis itu, Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Norita Mohd Sidek menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim itu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan PKNS, Nor Azlina Amran, Pengurus Besar Pentadbiran dan Sumber Manusia PKNS, Zaharudin Mohd Sanif, Pengurus Kanan Jualan Hartanah Wilayah Utara PKNS Azilah Ar-

shad dan Pengurus Pembangunan Perniagaan De Palma Group Fadhlina Esa.

Pengunjung dan anak-anak yatim berpeluang menikmati hidangan ala kampung seperti kerutuk ayam, asam pedas ikan pari, ketam masak lemak, dan masak tempoyak ikan patin.

Hotel berkenaan turut menyediakan hidangan istimewa Ramadan seperti nasi bukhari, dalca tulang kambing dan kari kepala ikan bersama bendi serta terung.

Hidangan yang paling disukai oleh pengunjung ketika berbuka ialah kambing golek safron berempah bersama sos lada hitam dan sos cendawan istimewa.



Norita (tengah) bersama anak-anak yatim selepas berbuka puasa dan penyampaian sumbangan di Hotel De Palma Ampang, di sini kelmarin.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Penduduk terima sumbangan
MUKA SURAT	33

Penduduk terima sumbangan



Izham menyampaikan sumbangan Ramadan kepada penerima di Kampung Pandan, Sabtu lalu.

SINAR - MS - 33

KAMPUNG PANDAN – Seramai 200 penduduk menerima wang tunai dan barang keperluan daripada Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Ir Izham Hashim, di sini baru-baru ini.

Pengurus Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pandan Indah, Nariza Zain berkata, program Ihya Ramadan adalah inisiatif pemimpin itu bagi meringankan beban mereka.

Menurutnya, Izham dijangka mengadakan program Jom Shopping Baju Raya untuk 750 anak yatim, asnaf dan golongan kurang upaya.

Sementara itu Izham turut menggalakkan mereka yang mampu bersedekah sepanjang Ramadan.

“Inilah masa terbaik menambah pahala melalui kerja amal,” katanya.

Izham memberitahu, pihaknya turut mengagihkan sebanyak RM1,500 untuk surau manakala RM2,500 kepada masjid terpilih di DUN Pandan Indah membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM50,000.

“Saya berharap golongan yang memerlukan bantuan ini mendapat sumbangan melalui Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pandan Indah,” katanya.



KERATAN AKHBAR


16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Rakam kenangan di Studio 3D
MUKA SURAT	24

Rakam kenangan di Studio 3D

SINAR - MS - 24



Seng Kok (tengah) bergambar bersama Tuck Chee (depan) dan Charles di satu studio 3DX yang terdapat di tingkat 6, Blok B GM Klang semalam.

Tarikan baharu di GM Klang

AZIE YAHAYA

KLANG

Studio 3D atau lebih dikenali sebagai 3DX 3D Experience bakal menjadi tarikan baharu pusat pemborong nombor satu di Malaysia, GM Klang.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok berkata, empat unit kedai diubahsuai menjadi ruang mengambil gambar berkonsepkan 3D.

Studio 3D Experience di tingkat enam Blok B itu bakal menjadi tarikan baharu di GM Klang.

"Selain membeli-belah pengunjung dapat merakam kenangan di studio ini

yang menjanjikan pengalaman menarik," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Projek Tambahan Kempen GM Love Klang dan Majlis Berbuka Puasa di GM Klang semalam.

Turut hadir, Ahli Parlimen Klang, Charles Santago dan ADUN Pandamaran, Leong Tuck Chee.

Menurut beliau, selain tarikan baharu itu, GM Klang turut memperkenalkan dua lagi projek *Photo Wall* di tingkat sama dengan menampilkan koleksi tempat menarik di Pandamaran dan Pulau Ketam.

"Menerusi Kempen GM Love Klang tahun ini, kita memperkenalkan gambar-gambar yang menunjukkan destinasi menarik sekitar Pandamaran dan Pulau Ketam.

"Idea terbaru ini adalah inisiatif memartabatkan Klang sebagai destinasi pe-

lancongan Malaysia susulan pelantikan GM Klang sebagai Duta Pelancongan Bandar Klang daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Justeru, kita percaya jumlah pengunjung serta pelancong antarabangsa terutama dari Singapura, Brunei dan Thailand akan meningkat sekali gus dapat meningkatkan taraf ekonomi di Selangor," katanya.

Seng Kok berharap, inisiatif itu akan terus mendapat sokongan dan kerjasama daripada Tourism Malaysia, Tourism Selangor dan MPK untuk terus membantu meningkatkan jumlah pelancong.

"Kempen GM Love Klang ini akan diteruskan dan pelbagai lagi projek menarik sedang dirancang melalui keistimewaan bandar Diraja ini.

"Sempena ulang tahun ke-10 GM Klang, kita turut

info

GM Klang bekerjasama dengan UiTM Shah Alam melalui Program CSR Lukisan Mural di Lorong Blok C dengan konsep Warisan Bandar Klang

bekerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam melalui Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Lukisan Mural di Lorong Blok C yang berkonsepkan warisan Bandar Klang.

"Seramai 70 perunit dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka terlibat dalam program ini dan dijangka siap akhir Jun nanti. Selain itu, pelbagai aktiviti turut dirangka sepanjang tahun ini untuk diraikan komuniti serta pengunjung," katanya.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Kredibiliti Ahli MDKS dipertikai
MUKA SURAT	22

Kredibiliti Ahli MDKS dipertikai

KUALA SELANGOR – Kredibiliti seorang Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dipertikaikan menerusi satu hantaran di Facebook.

Hantaran di satu halaman di laman sosial itu menyatakan ahli majlis terbabit penyamun ‘money game scam’ yang memperdayakan penuntut universiti.

Ahli majlis terbabit juga di dakwa memperdaya penuntut institusi pengajian tinggi awam menggunakan helah jihad ekonomi.

Emel MDKS turut dibanjiri teks tertera dalam hantaran itu.

Isu berkenaan menerima maklum balas Menteri Besar, Amirudin Shari di akaun Facebook miliknya.

“Terima kasih atas maklumat, dalam prosedur sebelum segala pelantikan melalui saringan polis dan SPRM. Saya akan dapatkan maklumat lanjut,” katanya.

ADUN Jeram, Mohd Shaid Rosli turut memberikan reaksi menerusi akaun Facebook miliknya.

“Mungkin pernah terlibat dalam MLM. Tapi saya beri peluang untuk perbaiki diri. Mungkin dulu tersilap langkah dan telah menjadi pengajaran.

MDKS telah melantik penyamun bernama [REDACTED] sebagai ahli Majlis Daerah.

Tidak perlu saya buat laporan polis mengenai kegiatan [REDACTED] menyamun pelajar [REDACTED] sebab syarikat milik [REDACTED] iaitu [REDACTED] telah berada dalam scam list PDRM, link (no 5):

Hantaran di sebuah halaman Facebook yang mengaitkan seorang Ahli MDKS dengan ‘money game scam’.

SINAR - MS - 22

“Bagi saya, jika seseorang itu nak berubah, kita perlu menyokong demi kebaikan perubahan itu,” katanya.

Susulan hantaran yang tular itu, satu laporan polis dibuat ahli majlis terbabit di Balai Polis Saujana Utama 13 Mei lalu.

Beliau memaklumkan menerima satu mesej menerusi WhatsApp daripada rakan yang mengatakan ada satu halaman Facebook memfitnahnya.

“Untuk makluman, saya sebelum ini pernah membuat per-

niagaan melatih usahawan dan ramai pelajar IPTA datang ke seminar dianjurkan.

“Saya menerima provokasi oleh pihak terbabit yang mengatakan saya menipu peserta dengan mengambil yuran seumur hidup.

“Saya juga telah diambil keterangan oleh polis dan disarankan supaya tidak meneruskan perniagaan berbentuk seminar berkenaan. Provokasi yang dilakukan pihak terbabit adalah kes pada 2015,” katanya.



KERATAN AKHBAR

16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Diugut halang pembuangan sampah haram
MUKA SURAT	24

Diugut halang pembuangan sampah haram

KLANG - Seorang pemilik dan pengurus sebuah syarikat berada dalam ketakutan selepas menerima pelbagai ugutan kerana menghalang tanah yang disewa di Jalan Selat Selatan 20, Pandamaran, di sini diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Lebih membimbangkan, mereka turut diugut anak-anak akan dilanggar.

Pengurus terbabit Kim Keow, 66, berkata, kejadian itu bermula selepas pihaknya mendapati terdapat aktiviti pembuangan sampah di tapak seawaan syarikatnya sejak April tahun lalu.

Menurut Kim Keow, beliau dan pemilik syarikat itu, Tee Mei Ling, 41, sudah membuat aduan kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (JKPTG),



Kim Keow (tengah) menunjukkan laporan polis serta gambar kenderaan yang disimbah cat pada sidang media semalam.



Tanah seluas 6.4 hektar yang disewa di Pandamaran kini dipenuhi sampah domestik kira-kira 5,000 tan.

SINAR - MS-24

sewa itu pada 9 Mei lalu," katanya, "katanya kepada pemberita pada sidang media semalam.

Majlis Perbandaran Klang (MPK), kerajaan negeri, wakil rakyat dan polis.

Turut hadir, aktivis masyarakat Pasukan Tindakan Suara Rakyat, Peter Tan.

Beliau memberitahu menerima ugutan selepas selesai mesyuarat di pejabat ADUN Pelabuhan Klang pada 13 Mei yang mahu melanggar anak-anak mereka selain disimbah cat

sewa itu pada 9 Mei lalu," katanya, "katanya kepada pemberita pada sidang media semalam.

"Walaupun kami sudah membuat pelbagai aduan namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil sebaliknya kami diugut termasuk cuba cederakan anak-anak.

"Kami juga disimbah dengan air ketika cuba menghalang lori sampah masuk ke kawasan tanah

"Bagaimanapun ketika tempoh sewaan hampir tamat pada April lalu terdapat sekumpulan individu membuang sampah di kawasan itu dengan menggunakan lori.

"Saya tetap meneruskan permohonan menyambung sewaan dan diluluskan namun pada harga RM31,000.

"Saya kini dalam proses memohon pengurangan tetapi mereka tetap membuang sampah domestik yang dianggarkan sebanyak 5,000 tan," katanya.

Tambahnya, pembuangan sampah haram ini menyebabkan bau dan pencemaran alam sekitar.

"Kami berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan segera supaya masalah ini tidak menjadi lebih serius," katanya.

Sementara itu, ADUN Pelabuhan Klang, Azmizam Zamman Huri ketika dihubungi berkata, pihak berkaitan ini sedang dalam proses mengambil tindakan berkaitan isu pembuangan sampah haram.

Bagaimanapun katanya, buat masa ini pihaknya tidak boleh mengulas lanjut berhubung perkara tersebut.

"Memang kita ada terima aduan berhubung masalah berkenaan tetapi ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian melalui undang-undang," katanya.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Haris dilantik Datuk Bandar Shah Alam
MUKA SURAT	20

Haris dilantik Datuk Bandar Shah Alam

SHAH ALAM - Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Datuk Haris Kasim dilantik sebagai Datuk Bandar Shah Alam berkuat kuasa 10 Mei lalu.

Beliau menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang ditugaskan ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sebagai Ketua Pengarah atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan berkuat kuasa 7 Januari lalu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya pada Majlis Penyampaian Amanat dan Surat Pelantikan kepada pegawai-pegawai kanan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Haris berkata, beliau menerima surat pelantikan sebagai Datuk Bandar pada 10 Mei lalu.

"Ya saya terima surat pelantikan efektif pada 10 Mei tetapi saya dapat pelepasan daripada kerajaan



Haris (kanan) menerima surat pelantikan sebagai Datuk Bandar Shah Alam pada 10 Mei lalu.

SINAR - MS - 20

negeri untuk menyelesaikan tugas di JAIS hingga 31 Mei ini, terutama urusan Ehya Ramadan bersama Tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah).

"Saya akan mulakan tugas sebagai Datuk Bandar mulai 3 Jun depan dan buat masa ini masih memegang jawatan sebagai

Pengarah JAIS," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK) Adi Faizal Ahmad Tarmizi turut dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor berkuat kuasa 10 Mei lalu, menggantikan Mohd Zubir Idrus.



KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	EM Hub lokasi e-dagang
MUKA SURAT	24

EM Hub lokasi e-dagang

PERMAJU harta tanah, SCland Development Sdn. Bhd. (SCland) telah menerima Anugerah Pensijilan Hub E-Dagang Kebangsaan daripada Teknologi Maklumat dan E-Dagang Selangor (SITEC) di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Anugerah tersebut diberikan atas inisiatif SCland membangunkan sebuah kawasan khusus buat pembangunan e-dagang di negara ini yang terletak di Kota Damansara.

Pengerusi SITEC, Datuk Teng Chang Khim berkata, anugerah berkenaan sangat bermakna bagi merancakkan lagi aktiviti e-dagang di negara ini.

Katanya, anugerah tersebut juga diharap mampu menarik lebih ramai usahawan mengorak langkah ke arah ekosistem digital dengan kemudahan yang ditawarkan di kawasan pembangunan baharu dikenali sebagai Hub e-Dagang SITEC (EM Hub).

"EM Hub bakal menawarkan sebuah tempat perniagaan yang mesra buat perniagaan berkonsepkan digital sepenuhnya.

"Ia bakal dilengkapi dengan fasiliti ekonomi digital seperti kemudahan pembayaran, perkhidmatan logistik, latihan pasaran atas talian dan ruang kerja kondusif," ujarnya ketika ditemui K2 baru-baru ini.

Anugerah berkenaan



AMIRUDIN (tengah) menyampaikan plak anugerah kepada Subahan (dua dari kanan) sambil diperhatikan Chang Khim (dua dari kiri) di Kota Damansara, Petaling Jaya baru-baru ini.

disampaikan oleh Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari kepada Pengerusi Alcom Group Berhad (Alcom), Datuk Seri Subahan Kamal.

Pelabur asing

SCland merupakan sebuah syarikat milik penuh Alcom. Pada majlis tersebut, Amirudin turut memecahkan tanah kawasan EM Hub.

Projek bangunan dua blok setinggi enam tingkat itu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022 dengan keluasan 3.8 hektar. Ia akan dijual pada harga bermula RM800,000 berkeluasan 204 hingga 372.9 meter persegi.

Menurut Chang

Khim, projek berkenaan diharap mampu menarik lebih banyak pelabur asing terutamanya dari China dan Asia Tenggara supaya melabur dalam industri perniagaan digital di negara ini.

Ujarnya, berdasarkan kajian yang dilakukan, e-dagang didapati bakal menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.4 peratus menjelang tahun 2020.

"Sejak empat tahun lalu, SITEC komited dalam pembangunan e-dagang di negara ini. Kami sentiasa mencari jalan untuk menambah nilai terhadap industri ini," ujarnya.

EM Hub menawarkan lokasi perniagaan mesra perniagaan berkonsepkan digital.





KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	PWB galak wanita jadi usahawan
MUKA SURAT	44



NURUL IMMA (duduk, dua dari kanan) bergambar bersama usahawan wanita sempena Karnival 3W di Bagan Lalang, Selangor baru-baru ini.

PWB galak wanita jadi usahawan

GALAKAN. Pusat Wanita Berdaya (PWB) disarankan menyertai Karnival 3W (*Wellness, Welfare, Women*) bagi membantu mereka menjadi usahawan berjaya di negeri ini.

Pegawai Penyelaras PWB Selangor, Nurul Imma Mansor berkata, sebagai sebuah badan yang ditubuhkan atas dasar menggalakkan wanita bergiat aktif dalam komuniti, pihaknya mengadakan

pelbagai program termasuk bengkel menambah ilmu keusahawanan, kemahiran dan gubahan kreatif.

"PWB turut memberi tumpuan pada program berilmu yang dikenali sebagai Program Berkapasiti. Melalui program-program ini, golongan wanita akan didekah dengan pelbagai ilmu pengurusan seperti kewangan keluarga, kesihatan dan kebajikan berkaitan

hak-hak wanita dalam perundangan.

"Karnival ini merupakan siri kelima selepas di Ampang Jaya (MPAJ), Petaling Jaya (MBPJ), Klang (MPK) dan Morib (MDKL). Pada karnival ini, kami memasarkan produk yang dihasilkan ahli seperti gubahan bunga sabun, kuih raya dan lain-lain kraf tangan," katanya di Pantai Bagan Lalang, Selangor baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR

16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Pasukan perubahan
MUKA SURAT	28

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Perluang diberikan Pakatan Harapan (PH) kepada orang muda untuk menjadi sebahagian daripada ‘pasukan perubahan’ pada Pilihan Raya Umum ke-14 lalu menyebabkan pola politik negara semakin matang.

Dengan ramai claripada mereka adalah muka baharu dan belum mencecah usia 40 tahun, ia menjadikan ruang terbaik untuk menabur bakti terbaik kepada masyarakat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati, Selangor, Juwairiya Zulkifli berkata, secara umum faktor orang muda menjadi penturut kepada kemenangan PH dan mereka juga kini menjadi pemerhati untuk semak dan imbang prestasi kerajaan.

Beliau berkata, golongan muda juga lebih faham mengapa ada kekangan kepada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan apa yang dijanjikan selain orang muda merasa

Pasukan perubahan

■ Golongan muda jadi pemerhati semak, imbang prestasi kerajaan

kan diri mereka lebih dekat dengan wakil rakyat yang lebih kurang sebaya.

“Pun begitu, bagi saya sendiri di Bukit Melawati ini, menjalankan tugas secara profesional juga satu keutamaan kerana di sini, ada pelbagai latar belakang, penjawat awam, nelayan dan petani.”

“Isu golongan muda juga sangat banyak dan perlu diberi perhatian terutama golongan berpendapatan 40 ke bawah (B40). Alhamdulillah pendekatan turun padang tanpa mengira latar belakang politik banyak membantu saya di sini,” katanya kepada Harian Metro.

Juwairiya berkata, rakyat boleh menilai prestasi kerajaan PH dan faham mengapa tempoh setahun itu tidak cukup untuk membuktikan kemampuan sebenar kerana ia perlu dirancang sebaiknya.

Menurutnya, setahun per-

tama ini adalah tahun perancangan dan hasilnya hanya boleh dilihat selepas itu dan beliau yakin, ia akan mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat.

“Peringkat saya akan ada beberapa penambahbaikan di kawasan. PH ramai wakil rakyat muda dan tidak alasan untuk tidak bergerak laju kerana faktor usia yang muda, tentunya dari segi kesihatan, jadi kita kena manfaatkan apa yang ada untuk menjadi kerajaan yang baik.

“Bukan orang lama saja, orang berpengalaman saja, orang muda yang baru dengan idea lebih segar juga boleh memberikan yang terbaik seperti dimahukan rakyat.

“Dalam setahun ini, saya fokuskan kepada pendidikan anak-anak di Kuala Selangor. Ini kerana kami sudah ada peluang untuk masuk ke sekolah sebagai kerajaan, jadi saya perlukan yang terbaik demi masa depan mereka.

“Selain itu, saya harap dapat bantu usahawan menerusi aset pelancongan yang ada, sesuai dengan pengumuman kerajaan negeri untuk mewujudkan Majlis Pelancongan Kua-

masa,” katanya.

Juwairiya berkata, beliau kini memberi tumpuan kepada industri pelancongan di Bukit Melawati yang terkenal dengan lokasi menarik serta bersejarah.

Katanya, ia dijangka dapat memberikan manfaat kepada penduduk setempat dan perkara itu turut mendapat sokongan daripada Menteri Besar, Amirudin Shari.

“Dalam setahun ini, saya fokuskan kepada pendidikan anak-anak di Kuala Selangor. Ini kerana kami sudah ada peluang untuk masuk ke sekolah sebagai kerajaan, jadi saya perlukan yang terbaik demi masa depan mereka.

la Selangor untuk menjaga aset-aset sedia ada. DUN saya pula memang terletak di bawah kluster pelancongan,” kata-nanya.

“Golongan muda kini jadi pemerhati untuk semak dan imbang prestasi kerajaan Juwairiya Zulkifli”





KERATAN AKHBAR 16 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	The Star
TAJUK BERITA	Going plastic straw-free at bazaars in subang jaya
MUKA SURAT	4

Going plastic straw-free at bazaars in Subang Jaya



Ng encouraging visitors at the bazaar along Jalan BK 5A/1 in Bandar Kinrara to go plastic straw-free after launching the campaign. — ART CHEN/The Star

By OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) is urging residents to say no to plastic straws when they shop at Ramadan bazaars under its jurisdiction.

It launched its plastic straw-free campaign at the Ramadan bazaar along Jalan BK 5A/1 in Bandar Kinrara.

At the launch, MPSJ licensing director Muhammad Azli Miswan said this was in line with the council's goal to be among the world's top 30 green cities by 2030.

"The council's goal for this year's Ramadan bazaar management is to reduce the usage of straws.

"All the bazaars are managed by the council, we do not let third parties manage it for us," he added.

"So far, there have not been any cases of vendors not following the green initiatives."

There are 236 vendors selling drinks at the 16 bazaars in the municipality.

He said the council health department would also monitor the bazaars to ensure that vendors follow the guidelines when it

comes to food preparation.

Also at the launch was Selangor Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman and Kinrara assemblyman Ng Sze Han.

He lauded the move to launch the campaign at Ramadan bazaars for the message to be spread to the public.

"I hope that this campaign can be introduced at pasar pagi and pasar malam as well," he said before walking through the bazaar and council staff handed out reusable bags to the public.

Apart from the straw-free campaign, the council would be continuing its green initiatives introduced in 2014, such as no polystyrene at bazaars, recycling cooking oil, reducing the usage of plastic wrapping and plastic bags, and encouraging people to bring their own food containers for takeaways.

It was previously reported that MPSJ enforced the ban on polystyrene in 2016 ("MPSJ maintains green concept for Ramadan bazaars", June 1, 2017), a year before the Selangor state government began its no plastic bag campaign in 2017.